

# BARAT: PM BIDAS LAGI

BU 25 AUG 1982  
KUALA LUMPUR, Selasa —  
Perdana Menteri, Datuk Seri  
Dr. Mahathir Mohamad sekali  
lagi membidas negara-negara  
kaya kerana enggan membantu  
negara miskin mencapai  
kemajuan.

Beliau kesal masyarakat negara-negara kaya masih belum menerima prinsip, yang kaya harus menolong yang miskin.

"Barangkali ini disebabkan negara-

kemajuan mereka," tegas beliau.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, negara-negara membangun yang miskin, memerlukan bantuan kewangan jika mereka hendak membeli peralatan dan barang keperluan dari negara-negara maju.

"Di sinilah negara-negara maju harus lebih liberal bukan sahaja dalam mengimport barangan dari negara membangun tetapi juga memindahkan pengetahuan saintifik dan teknologi," tambahnya.

negara miskin tidak berupaya mengancam negara kaya, seperti yang mampu dibuat oleh pekerja-pekerja miskin melalui kesatuan-kesatuan sekerja mereka," ujarnya.

Berucap merasmikan mesyuarat ke-12 Majlis Sains Komanwel di sini, hari ini, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, salah satu matlamat kebanyakan negara membangun, termasuk Malaysia, ialah industrialisasi.

"Untuk menuju matlamat sebagai negara perindustrian, kita memerlukan kepakaran dan penyelidikan serta tunjuk cara dari negara-negara maju dan kaya.

"Dalam hubungan ini, ahli-ahli sains dan tenaga pakar negara maju hendaklah memberi bantuan dan berkongsi pengetahuan saintifik dan teknologi mereka," tegasnya.

### **Insaf**

Perdana Menteri merayu ahli-ahli sains negara-negara Komanwel supaya tidak semata-mata menjadi ahli sains, tetapi juga sebagai manusia yang insaf.

Katanya, sikap bertanggungjawab terhadap kesejahteraan dunia, di mana wajar, perlu mengatasi kepentingan-kepentingan sempit negara seseorang itu.

"Negara-negara miskin memerlukan bantuan — bukan sedekah, tetapi pertolongan untuk

Beliau mengingatkan, negara-negara maju tidak perlu bimbang negara membangun akan mengatasi mereka dalam penggunaan pengeluaran saintifik dan teknologi kerana peluang tersebut adalah terlalu tipis.

Bagaimanapun, beliau menegaskan, Malaysia akan terus menekankan pendirian berdikari walaupun ia memerlukan kerjasama negara-negara maju untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara.

"Pengetahuan saintifik dan teknologi dari Barat tidak boleh diimport dengan begitu mudah ke negara kita.

"Ia perlu diubahsuai dan dipastikan secocok dengan keperluan-keperluan khas negara," ujarnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir seterusnya yakin hanya kesanggupan dan kesediaan berkongsi dan saling bantu-membantu, hubungan antara negara maju dan membangun akan lebih bererti.

Kira-kira 50 wakil dari 32 negara Komanwel menghadiri mesyuarat selama seminggu itu yang berakhir Selasa depan.

Turut hadir di majlis pembukaan rasmi ialah Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Amar Stephen Yong dan Timbalan Setiausaha Agung Komanwel, Chief E.C. Anyaoku.